

14 AUG 2001

LEAD Taib-pilihan raya

TARIKH PILIHAN RAYA BUKAN KEJUTAN, KATA TAIB

KUCHING, 14 Ogos (Bernama) -- Ketua Menteri Tan Sri Abdul Taib Mahmud hari ini berkata tarikh bagi pilihan raya negeri Sarawak bukan sesuatu yang mengejutkan.

Katanya beliau sudahpun mempunyai tarikh bagi pembubaran Dewan Undangan Negeri.

Sejak beberapa hari lepas, khabar angin bertiup kencang kononnya dewan itu akan dibubar penghujung bulan ini dan pilihan raya akan diadakan pada September.

"Saya sekali-kali tidak mahu membuat kejutan berkaitan dengan pilihan raya negeri. Kerajaan berlaku adil dengan memberi masa kepada pembangkang untuk turut berkempen," katanya kepada pemberita di sini.

Beliau berkata Barisan Nasional telah menyiapkan senarai kesemua 62 calonnya untuk pilihan raya itu dan akan diserahkan untuk pengesahan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Pengerusi BN.

Abdul Taib berkata beliau juga akan menerangkan kepada Perdana Menteri mengenai persiapan bagi pilihan raya itu.

Dr Mahathir kini berada di luar negara dan akan pulang pada 23 Ogos.

Ketika ditanya mengenai laporan akhbar bahawa satu kumpulan diketuai bekas menteri pusat Datuk Abang Abu Bakar Mustapha akan mengemukakan 45 calon bebas pada pilihan raya kali ini, Abdul Taib berkata terpulang kepada rakyat untuk membuat keputusan.

"Kita telah bekerja keras dan mereka pasti memilih BN," katanya.

-- BERNAMA

FLL RYN AU MAI